



SYARLIZ TRAVEL GROUP SDN BHD
(1219095-P, KPK/LN 8841)
A07/01 Block A, 1st Floor,
Garden City Business Centre,
Jalan Dagang Besar, Taman Dagang,
68000 Ampang, Selangor
TEL: +603 42880478 / +6013-628 0817
Email: syarliztravelgroup@yahoo.com

NORTH XINJIANG 10H/8M

Urumqi - Burqin - Hemu - Kanas - Karamay - Dushanzi - YiNing - Nalati

11- 20 OCTOBER 2026

A. ATURCARA:

Hari 01: Kuala Lumpur - Urumqi

(MOB/D)

Berkumpul di KLIA Terminal 1, 4 jam sebelum waktu berlepas ke **Urumqi, China**. Sebaik tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Urumqi, peserta akan disambut oleh wakil kami di sana dan dibawa ke hotel. Makan malam dan bermalam di **Urumqi**.



Hari 02: Urumqi - Burqin

(B/L/D)

Selepas sarapan, mulakan pengembaraan merentasi **Desert Highway** yang luas melalui lebuh raya gurun pertama di Xinjiang yang menghubungkan Urumqi ke Wilayah Altay. Lawatan ke **Ulungur Lake**, tasik Ulungur ini terletak di daerah Fuhai Altay Prefecture, Utara Xinjiang yang dikenali sebagai "Oasis In the desert", melihat pemandangan yang sangat cantik dan merupakan salah satu tasik tawar terbesar di Xinjiang. Makan malam dan bermalam di **Burqin**.



Hari 03: Burqin – Hemu Village – JiaDengYu

(B/L/D)

Selepas sarapan, mulakan perjalanan ke **Hemu Scenic Area**, sebuah perkampungan etnik Mongol Tuva di China. Terkenal dengan “kampung paling cantik di China”. Peserta dibawa bersiar-siar di rumah kayu desa tradisional sambil menikmati keunikan suasana kampung, panorama dikelilingi hutan dan kawasan pergunungan. Seterusnya dibawa ke **Hemu River**, sungai berwarna biru yang sangat jernih. Teruskan lawatan **Hemu Village Observation Deck** yang terletak di lereng utara Desa Hemu. Makan malam dan bermalam di **JiaDengyu**.



Hari 04: JiaDengYu – Kanas - Burqin

(B/L/D)

Selepas sarapan, lawatan ke **Kanas Nature Reserve** menampilkan ekosistem semula jadi yang indah terbentuk oleh tasik, sungai glasier, hutan dan padang rumput “kanas” yang bermaksud kaya, cantik, misteri dalam istilah penduduk Mongolia dan merupakan tempat pemandangan yang paling indah di Xinjiang. Teruskan lawatan ke **Kanas Lake**, tasik alpine berwarna biru zamrud yang merupakan tasik tercantik dan paling dalam di China. Disini peserta dibawa melawat **Moon Bay**, pemandangan air sungai jernih berwarna biru kehijauan yang membentuk seperti bulan sabit, dikelilingi hutan pain dan banjaran pergunungan yang menakjubkan. Seterusnya dibawa melihat ikan ke **Wolong Bay** pulau kecil dengan air jernih kehijauan yang membentuk seperti naga yang sedang berbaring. Lawatan seterusnya **Fish Watching Pavilion**, platform melihat ikan ini adalah mercu tanda terkenal yang terletak di sebelah barat Tasik Kanas yang juga menawarkan pemandangan “bird's eye view” panorama tasik biru, pergunungan yang dilitupi salji dan teluk. Teruskan lawatan ke **Colourful Beach** yang terletak di daerah Burqin dikenali sebagai “Wucaitan atau five coloured beach”. Daya tarikan utamanya adalah tebing berwarna warni dengan campuran tanah ungu-merah, batu lumpur kuning kehijauan, batu pasir dan kerikil dalam kepelbagaian bentuk dan saiz terhasil dari hakisan angin selama jutaan tahun. Makan malam dan bermalam di **Burqin**.



Hari 05: Burqin – Devil City - DuShanZi

(B/L/D)

Selepas sarapan, lawatan ke **Ghost City** yang dikenali sebagai Urho city of wind (bandar angin urho) yang mempesonakan dan unik. Kawasan formasi batu unik yang terbentuk oleh tiupan angin padang pasir yang menyerupai kubu purba. Bersiar-siar di kawasan dramatik ini yang dibentuk beribu tahun dari angin kencang dan di gelar “wind City” atau “Devil City”. Peserta berpeluang melihat **Baili Oil Field** merupakan kawasan perlombongan minyak utama di wilayah Xinjiang, China. Teruskan perjalanan ke DuShanzi Karamay. Makan malam dan bermalam di **DuShanzi**.



Hari 06: DuShanZi – Sayram Lake - YiNing

(B/L/D)

Selepas sarapan, lawatan ke **Sayram Lake**, tasik syurga Xinjiang merupakan tasik alpine terbesar dan tertinggi di Xinjiang ini terkenal dengan jolokan “air mata terakhir laut atlantik” dengan air yang sejernih kristal membiru dikelilingi gunung memukau. Teruskan lawatan ke **Guozigou Bridge** sebuah jambatan kabel berkerangka keluli memegang rekod sebagai salah satu jambatan kabel tertinggi di dunia. Jambatan ikonik ini dapat melihat pemandangan paling indah di Yining dengan pemandangan pergunungan yang menakjubkan. Guozigou merupakan pintu masuk ke Wilayan Yiining, jalan curam yang melalui pergunungan Tianshan Utara. Seterusnya peserta dibawa ke **Lavender Manor**, ladang lavender terbesar yang menyajikan hamparan laut bunga ungu berserta aroma lavender yang menyegarkan dalam suasana romantik. Makan malam dan bermalam di **YiNing**.



Hari 07: YiNing – Nalati - YiNing

(B/L/D)

Selepas sarapan, lawatan ke **Nalati Prairie** yang dikenali sebagai “The Sky Grassland” ia terkenal dengan landskap pergunungan salji dan merupakan salah satu daripada empat padang rumput lembah alpine terbesar di dunia. Ia terkenal dengan ketinggian 1,800-meter yang diselubungi awan serta landskap pergunungan menghijau. **Sub Alpine Meadow** adalah ekosistem padang rumput yang terletak di pergunungan tinggi. Makan malam dan bermalam di **YiNing**.



Hari 08: YiNing - Urumqi

(B/L/D)

Selepas sarapan, bertolak ke **Urumqi City** dengan menaiki bullet train. Makan tengahari didalam Bullet train. Tiba di Urumqi, peserta dibawa ke **Erdaoqiao International Grand Bazar**, salah satu mercu tanda terkenal di Urumqi. Bazar besar ini menggabungkan budaya islam dengan gaya senibina timur tengah dan asia tengah, kubah-kubah besar serta ukiran dinding yang indah. Terdapat pelbagai jualan seperti produk khas Xinjiang, karpet buatan tangan khas Uighur, barang perhiasan, pakaian tradisional dan sebagainya. Disekitar kawasan ini menyediakan pasar malam yang terdapat banyak makanan halal seperti sate kambing khas Uighur, roti naan, buah-buahan kering dan kekacang. Makan malam dan bermalam di **Urumqi**.

Hari 09 - 10: Urumqi - Kuala Lumpur

(B/MOB)

Selepas sarapan, daftar keluar hotel. Peserta akan dibawa ke Lapangan Terbang Antarabangsa Urumqi untuk mengambil penerbangan pulang ke **Kuala Lumpur**. Tiba di Kuala Lumpur bersama kenangan manis di **Xinjiang, China**.

B. TARIKH PENERBANGAN:

11OCT CZ5080 KUL SZX 0130 0550
11OCT CZ5795 SZX URC 0910 1445
19OCT CZ6895 URC CAN 1100 1610
19OCT CZ5035 CAN KUL 2030 0015 (+1)

C. HARGA:

RM7,999.00 (DEWASA) – twin sharing bed

Harga Termasuk:

1. Tiket penerbangan pergi dan balik dengan China Southern Airlines
2. Penginapan di hotel bertaraf 4 bintang di semua lokasi
3. Makanan seperti di dalam aturcara
4. Pengangkutan seperti dalam aturcara dan bayaran masuk
5. Tipping
6. Tour leader
7. Bagasi 23kg

Harga Tidak Termasuk:

1. Insuran perjalanan peribadi
2. Barangan lebih had (max 23 kg)
3. Aktiviti tambahan

D. DEPOSIT DAN PEMBATALAN PAKEJ:

1. Deposit = **RM3,000.00 seorang**
2. Tempahan sah bila bayaran deposit sebanyak RM3,000.00 seorang telah diterima oleh **SYARLIZ TRAVEL GROUP**.

NON-REFUNDABLE DEPOSIT – RM3,000.00 SEORANG

3. Bayaran penuh perlu dijelaskan **60 hari sebelum tarikh penerbangan**. Sekiranya bayaran penuh tidak diterima 60 hari sebelum tarikh penerbangan, **SYARLIZ TRAVEL GROUP** berhak untuk membatalkan tempahan.
4. Deposit RM3,000.00 tidak dikembalikan sekiranya peserta membatalkan penyertaan 60 hari sebelum tarikh pelepasan.

Untuk tempahan, bayaran **DEPOSIT** boleh dibuat melalui online banking:

**MAYBANK
564548147305
SYARLIZ TRAVEL GROUP SDN BHD**

E. NOTA PENTING:

1. Harga, tarikh, aturcara dan jenis pengangkutan/penerbangan tertakluk kepada perubahan semasa, dengan atau tanpa notis terlebih dahulu.
2. Harga pakej yang ditawarkan berkemungkinan akan berubah semasa membuat bayaran penuh 60 hari sebelum tarikh penerbangan bergantung kepada nilai tukaran matawang asing semasa.
3. Semua jenis penerbangan dan jenis hotel tertakluk kepada perubahan sehingga pengesahan dibuat.
4. Harga pakej seorang dewasa berdasarkan bilik twin sharing. Bilik untuk kanak-kanak mestilah ada 2 orang dewasa dalam bilik yang sama. Sekiranya 1 orang dewasa sahaja, kanak-kanak tersebut mesti mengikut harga pakej dewasa.
5. Optional tour/activity TIDAK termasuk di dalam pakej dan ditanggung oleh pelanggan sendiri.
6. Harga pakej adalah berdasarkan min 15 orang peserta.